

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 3/ 2023

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGUATKUASAAN PEMERIKSAAN MENGEJUT PANJAR WANG RUNCIT OLEH KETUA JABATAN DI JABATAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

Untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Unit Dasar dan Penguatkuasaan, Jabatan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan pengurusan Panjar Wang Runcit secara berkala di Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTj) pada setiap tahun. Hasil pemeriksaan tersebut, didapati sebahagian Jabatan/ PTj masih tidak melaksanakan pemeriksaan mengejut panjar wang runcit setiap enam (6) bulan sekali. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan mengejut panjar wang runcit ini.

Perkara ini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) pindaan 2 Julai 2015, perkara 309 (a). – "Ketua Jabatan hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan, tidak kira bulan apa yang dipilih dan seterusnya sekali lagi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan, ke atas tiap-tiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam jabatannya yang diamanahkan dengan penyimpanan Wang Awam, setem atau barang-barang lain yang berharga. Pegawai Pengawal hendaklah mengenal pasti jawatan-jawatan Ketua Jabatan yang layak menjalankan pemeriksaan mengejut sebagaimana takrifan Ketua Jabatan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 3. Ketua Jabatan yang telah dikenal pasti tidak boleh mewakili kuasa dan melantik pegawai lain untuk melaksanakan pemeriksaan mengejut. Ketua Jabatan yang menjalankan pemeriksaan mengejut tidak dibenarkan memegang kunci peti besi".

Kegagalan YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dalam proses pengurusan kewangan di universiti.



JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 9145 6488 / 6972/ 5189/ 6489 Laman Web: <http://hctm.ukm.my/kewangan>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



Sekian, segala kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini didahului dengan jutaan terima kasih.

Yang benar,



WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A. (M)

Ketua

Jabatan Kewangan,

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 9145 6488/ 6972/ 5189/ 6489 Laman Web: <http://hctm.ukm.my/kewangan>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my